



### Apakah yang dimaksudkan dengan perceraian?

Perceraian ialah perpisahan antara seorang suami dengan seorang isteri yang diiktiraf oleh undang-undang dan akibatnya ia membolehkan seseorang bekas suami atau isteri itu berkahwin lain.



### Mengapakah perceraian yang melibatkan orang yang bukan beragama Islam mesti melalui proses mahkamah?

Di Malaysia, semua perceraian yang melibatkan orang bukan beragama Islam hendaklah dilakukan mengikut peruntukan di bawah Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164].



### Apakah kedudukan perkahwinan yang dilakukan sebelum Akta 164 dikuatkuasakan?

Semua perkahwinan yang dilangsungkan sebelum Akta 164 berkuat kuasa dianggap sebagai perkahwinan yang telah didaftarkan di bawah Akta ini asalkan perkahwinan mereka telah dilangsungkan dengan sah.



### Apakah syarat-syarat yang perlu diikuti sebelum permohonan perceraian dibuat?

Terdapat beberapa syarat yang mesti dipatuhi sebelum permohonan perceraian difailkan di mahkamah iaitu –

- (a) permohonan perceraian yang boleh difailkan di mahkamah hanya selepas tamat tempoh dua tahun dari tarikh perkahwinan melainkan jika terdapat permohonan kepada Hakim untuk menyerahkan permohonan perceraian dalam tempoh tertentu atas alasan bahawa hal itu ialah suatu hal yang terbit daripada hal keadaan atau kesusahan yang terkecuali yang dideritai oleh sesuatu pihak. Syarat ini adalah untuk menghalang seseorang daripada berkahwin secara gopoh atau mengadakan perkahwinan percubaan dan juga untuk menghalang mereka melarikan diri daripada perkahwinan tanpa apa-apa percubaan untuk berdamai;
- (b) mendapatkan sijil daripada tribunal perkahwinan di Jabatan Pendaftaran Negara berdekatan dengan tempat tinggal mereka atau pun berdekatan dengan tempat tinggal terakhir mereka.



### Apakah hal keadaan yang membolehkan seseorang pemohon dikecualikan daripada permohonan di atas?

Salah satu pihak boleh memohon untuk pengecualian merujuk kes ke tribunal atas alasan yang berikut:

- (a) salah satu pihak ditinggal langsung dan pihak satu lagi tidak dapat dikesan;
- (b) salah satu pihak telah menetap di luar negara dan berkemungkinan tidak akan balik ke Malaysia dalam tempoh 6 bulan selepas tarikh permohonan perceraian difailkan;
- (c) salah satu pihak telah dipanggil ke hadapan tribunal pendamaian tetapi gagal/enggan berbuat demikian;

- (d) salah satu pihak dipenjarakan untuk suatu tempoh lima tahun atau lebih;
- (e) salah satu pihak mendakwa pihak yang satu lagi mengalami sakit jiwa yang tidak dapat dirawati;
- (f) mahkamah berpuas hati bahawa terdapat hal keadaan luar biasa yang akan menyebabkan rujukan ke tribunal pendamaian adalah tidak wajar;
- (g) salah satu pihak telah memeluk agama Islam; dan
- (h) pihak-pihak telah memfailkan petisyen perceraian bersama.



### Berapakah kategori perceraian/permohonan perceraian?

Kategori perceraian adalah seperti yang berikut:

#### A. Pembubaran Perkahwinan Kerana Salah Satu Pihak Memeluk Agama Islam (Seksyen 51)

Jika suatu pihak kepada sesuatu perkahwinan sama ada si suami atau isteri telah memeluk agama Islam dan pihak satu lagi sama ada si suami atau isteri tidak memeluk agama Islam, maka pihak yang tidak memeluk agama Islam boleh membuat permohonan untuk perceraian.

Permohonan untuk perceraian boleh difailkan oleh mana-mana pihak yang tidak memeluk agama Islam selepas tiga (3) bulan dari tarikh pihak yang satu lagi memeluk agama Islam.

#### B. Pembatalan Perkahwinan (Seksyen 67, 68, 69 dan 70)

Seseorang suami atau isteri boleh menyampaikan suatu permohonan kepada mahkamah meminta suatu dekri pembatalan berkenaan dengan perkahwinan.

(i) Sebelum sesuatu pihak memfailkan permohonan pembatalan perkahwinan, pihak tersebut mestilah membuktikan kepada mahkamah bahawa terdapat alasan yang perkahwinan itu adalah tak sah jika boleh batal;

- (a) pada masa perkahwinan itu salah satu pihak telah pun berkahwin dengan sah dan suami atau isteri yang dahulu bagi pihak itu masih hidup pada masa perkahwinan itu dan perkahwinan yang dahulu itu masih berkuat kuasa pada masa itu;
- (b) seseorang lelaki berkahwin di bawah umur lapan belas tahun atau seseorang perempuan yang berumur lebih daripada enam belas tahun tetapi kurang daripada lapan belas tahun berkahwin tanpa suatu lesen khas yang diberi oleh Ketua Menteri;
- (c) pihak-pihak itu adalah antara satu sama lain dalam tali persaudaraan yang mereka dilarang berkahwin melainkan jika Ketua Menteri memberi suatu lesen khas; dan
- (d) pihak-pihak itu bukan masing-masingnya lelaki dan perempuan.

(ii) Sesuatu perkahwinan yang berlaku selepas tarikh Akta 164 mula berkuat kuasa boleh menjadi tidak sah hanya atas alasan yang berikut sahaja iaitu:

- (a) bahawa persetubuhan belum dilakukan dalam perkahwinan itu oleh sebab ketidakupayaan salah satu pihak untuk melakukannya;
- (b) bahawa persetubuhan belum dilakukan dalam perkahwinan itu oleh sebab pihak menentang bersengaja enggan melakukannya;
- (c) bahawa salah satu pihak kepada perkahwinan itu tidak memberi persetujuan dengan sah terhadap perkahwinan itu sama ada disebabkan oleh desakan, kesilapan, ketidaksempurnaan akal atau selainnya;
- (d) bahawa pada masa perkahwinan itu, salah satu pihak, walaupun berkebolehan memberi persetujuan yang sah, ialah (sama ada berterusan atau berselangan), seorang yang bercelaru mental mengikut pengertian Ordinan Kecelaruan Mental 1952 dari sesuatu jenis atau hingga sesuatu takat yang menjadikannya tidak layak berkahwin;
- (e) bahawa pada masa perkahwinan itu, pihak menentang sedang menghadapi penyakit kelamin dalam keadaan boleh berjangkit; dan
- (f) bahawa pada masa perkahwinan itu pihak menentang telah dihamilkan oleh seseorang yang lain daripada pempetisyen.

Permohonan pembatalan perkahwinan yang menggunakan alasan-alasan di atas mestilah dibuktikan oleh pihak yang membuat permohonan melalui fakta-fakta.

### C. Pembubaran Perkahwinan Dengan Persetujuan Bersama (Seksyen 52)

Jika suami dan isteri bersama-sama bersetuju supaya perkahwinan mereka dibubarkan, mereka boleh selepas tamat dua tahun dari tarikh perkahwinan mereka, menyerahkan sesuatu permohonan perceraian bersama kepada mahkamah.

Permohonan perceraian bersama boleh difailkan sekiranya –

- (a) kedua-dua pihak dengan rela hati tanpa paksaan bersetuju untuk bercerai;
- (b) terdapat peruntukan sewajarnya telah dibuat oleh isteri dan perkiraan mengenai penjagaan anak sekiranya ada; dan
- (c) selepas dua tahun perkahwinan.

Dalam permohonan perceraian bersama, kedua-dua pihak mesti menandatangani dokumen permohonan tersebut.

### D. Petisyen Perceraian Yang Dipertikaikan

Salah satu pihak kepada perkahwinan boleh memfailkan petisyen perceraian atas alasan bahawa perkahwinan itu telah pecah belah dengan tidak dapat lagi dipulihkan.

Mahkamah dalam mendengar permohonan perceraian, perlu menyiasat dan memastikan fakta-fakta yang didakwa memecah-belahkan perkahwinan dengan menimbang perkara yang berikut:

- (a) bahawa salah satu pihak telah melakukan perbuatan zina dan salah satu pihak yang lain tidak tahan untuk tinggal bersama pihak penentang;
- (b) salah satu pihak yang lain tidak boleh dijangka dengan munasabah akan dapat tinggal bersama pihak penentang. Mahkamah akan mengambil kira perwatakan, pembawaan, perangai dan tingkah laku pempetisyen dan juga tingkah laku pihak penentang sebagaimana yang dibuktikan oleh keterangan;
- (c) bahawa salah satu pihak telah meninggal langsung salah satu pihak yang lain selama tempoh yang berterusan sekurang-kurangnya dua (2) tahun sebaik sebelum penyerahan permohonan. Empat elemen mesti ada sebelum peninggalan langsung boleh dibuktikan –
  - (i) perpisahan sebenar antara kedua-dua pihak;
  - (ii) niat untuk tinggal berasingan;
  - (iii) tanpa persetujuan pihak yang ditinggalkan; dan
  - (iv) tiada sebab yang munasabah yang membolehkan suatu pihak meninggalkan suatu pihak yang lain;
- (d) bahawa pihak-pihak kepada perkahwinan itu telah tinggal berasingan selama tempoh yang berterusan sekurang-kurangnya dua tahun sebelum sahaja pengemukakan petisyen itu.



### Apakah kesan daripada perceraian/pembubaran perkahwinan?

Kesan utama selepas perceraian ialah –

- (a) kedua-dua pihak boleh berkahwin dengan pihak yang lain;
- (b) hak-hak pihak ditentukan oleh mahkamah.



### Apakah dokumen yang diperlukan untuk memfailkan permohonan perceraian?

Dokumen-dokumen yang diperlukan untuk memfailkan permohonan perceraian adalah seperti yang berikut:

- (a) salinan sijil perkahwinan atau dokumen lain yang boleh membuktikan perkahwinan;
- (b) salinan sijil kelahiran anak-anak hasil daripada perkongsian perkahwinan (jika ada);
- (c) sijil Tribunal Pendamaian;
- (d) kad pengenalan;
- (e) nama/alamat/pekerjaan suami/isteri;
- (f) nama/alamat majikan suami/isteri; dan
- (g) laporan-laporan berkaitan –
  - (i) laporan perubatan
  - (ii) laporan polis
  - (iii) penyata gaji suami/isteri
  - (iv) bukti berhubung dengan pertukaran alamat
  - (v) dokumen sokongan lain yang berkaitan, jika ada.

Untuk keterangan lanjut, sila berhubung dengan mana-mana cawangan Jabatan Bantuan Guaman yang berdekatan atau Ibu Pejabat Jabatan Bantuan Guaman di alamat yang berikut:

**IBU PEJABAT  
JABATAN BANTUAN GUAMAN  
ARAS 1, BANGUNAN HAL EHWAL  
UNDANG-UNDANG  
PRESINT 3, PUSAT PENTADBIRAN  
KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62692 PUTRAJAYA  
NO. TELEFON: 03-88851000  
NO. FAKSIMILE: 03-88851829/1830/1831  
LAMAN WEB: [www.jbg.gov.my](http://www.jbg.gov.my)  
SMS: Taip JBG MENU  
dan hantar ke 15888**

CATATAN:  
RISALAH INI IALAH SUATU PENERANGAN RINGKAS UNTUK PENGETAHUAN ORANG RAMAI SAHAJA. IA BUKAN NASIHAT UNDANG-UNDANG YANG LENGKAP DAN TERPERINCI.

# PERCERAIAN ORANG BUKAN BERAGAMA ISLAM



Diterbitkan oleh  
**JABATAN BANTUAN GUAMAN**